

GHARAR DALAM TRANSAKSI LELONGAN ATAS TALIAN; KESAN NEGATIF SERTA LANGKAH PENYELESAIAN

Muhamad Azhari Wahid

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

azhariwahid@usim.edu.my

Abstrak

Gharar (ketidakpastian) adalah salah satu elemen yang dilarang dalam muamalat Islam. Artikel ini menilai amalan gharar yang berlaku dalam transaksi lelongan atas talian melibatkan beberapa platform lelongan atas talian di Malaysia. Selain itu, artikel ini mengenalpasti kesan negatif serta cadangan langkah mengatasi isu ini. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian sesi lelongan secara langsung (live) yang dijalankan oleh platform lelongan atas talian dan menilai kebarangkalian berlakunya amalan gharar berdasarkan garis panduan syarak. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga (3) bentuk amalan gharar yang berlaku melibatkan lelongan barang yang tidak jelas ciri-ciri, spesifikasi dan kondisi barang, barang tidak wujud, dan barang yang dilelong tidak dapat dihantar kepada pemenang lelongan. Beberapa cadangan penyelesaian turut dicadangkan di dalam artikel ini.

Kata kunci: lelongan atas talian, e-lelong, e-bidaan, gharar, fiqh muamalat.

PENDAHULUAN

Lelong menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2015) membawa erti penjualan di hadapan khalayak ramai (dengan harga beratas-atasan oleh pembeli-pembelinya). Kebiasaannya, sesi lelongan akan dijalankan pada suatu masa dan tempat yang telah ditentukan oleh pelelong. Dalam sesi lelongan tersebut, pembida (pembeli) yang berminat akan hadir dan membuat tawaran harga ke atas barangan yang dilelong.

Manakala lelong atas talian pula merujuk kepada aktiviti lelongan yang dijalankan secara atas talian menggunakan platform tertentu seperti *auction web* dan aplikasi mudah alih. Pembida pula boleh membuat bidaan melalui alatan tertentu seperti komputer, telefon pintar (*smart phone*) dan seumpamanya. Lelongan secara atas talian ini telah mula diperkenalkan sekitar tahun 1990-an oleh platform e-Bay.

Pada masa kini, aktiviti lelongan atas talian ini telah menjadi semakin popular di Malaysia. Hal ini didorong perkembangan teknologi yang baik serta capaian internet yang semakin luas. Salah satu penyedia platform lelong iaitu Ng Chan Mau & Co Sdn Bhd melaporkan peningkatan sebanyak 40% pembida mereka yang telah memilih untuk membuat bidaan secara dalam talian.

Menyedari perkembangan aktiviti lelongan atas talian serta penerimaan masyarakat terhadapnya, kajian ini dibuat untuk menilai kebarangkalian berlakunya isu *gharar* di dalam lelongan atas talian. Kajian ini penting bagi mengatasi kesan

negatif akibat amalan *gharar* yang telah banyak dilaporkan di dada akhbar (Sinar Harian, 2021; BERNAMA, 2021).

Artikel ini merangkumi lima (5) bahagian di mana bahagian pertama adalah pendahuluan, diikuti sorotan literatur pada bahagian kedua, metodologi kajian pada bahagian tiga, dapatan kajian pada bahagian empat, dan kesimpulan pada bahagian lima.

SOROTAN LITERATUR

Dalam Islam, lelongan dibincangkan di bawah tajuk *bay' al-muzayadah*. Ianya adalah salah satu kontrak yang diharuskan dalam Islam. Dalil keharusan *bay' al-muzayadah* berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ

“Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan Dia mengharamkan *riba*” (Al-Baqarah: 275)

Begitu juga di dalam hadis Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi ﷺ menjual hamparan dan bekas air dengan bertanya siapa yang ingin membelinya. Seorang lelaki sanggup membelinya dengan harga satu dirham lalu Nabi ﷺ bertanya sesiapa yang sanggup menawarkan harga yang lebih tinggi. Seorang lelaki sanggup membayar sebanyak dua dirham lalu Nabi ﷺ menjual kedua-dua barang tadi kepada lelaki tersebut.

Sebahagian besar fukaha silam berpandangan, ianya diharuskan oleh syarak, manakala sebahagian kecil pula tidak mengharuskannya. Perbezaan pandangan ini adalah disebabkan perbezaan interpretasi terhadap hadith Nabi ﷺ yang melarang membuat tawaran pembelian atas pembelian orang lain (*saum 'ala saum akhihi*) (Ibn Rusyd, 1986).

Jual beli secara bidaan ini tidak termasuk di dalam larangan belian atas belian orang lain. Hal ini ialah kerana tawaran untuk membeli oleh pembida dilakukan sebelum sebarang penentuan harga dibuat. Justeru, ianya adalah diharuskan.

Namun begitu, rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dalam transaksi jual beli perlu dipatuhi bagi mengelakkan isu ketidakpatuhan Syariah. Antara rukun dalam kontrak *bay' al-muzayadah* ialah penjual/pelelong, pembeli, harga dan barang yang ditransaksi dan kontrak (Mas'ad, 2018).

Penjual/pelelong boleh dikategorikan kepada dua iaitu penjual yang melelong asetnya sendiri, dan pelelong yang dilantik sebagai wakil oleh pihak lain seperti penjual atau pemegang cagaran). Kesemua pihak yang bertransaksi perlulah *baligh* dan berakal untuk memastikan kontrak yang dimeterai adalah sah dan memberi kesan perundangan. Selain itu, barang yang dilelong adalah disyaratkan supaya bebas daripada elemen *riba*, ketidakpastian (*gharar*), judi (*maysir*) dan tidak

melibatkan bidaan barangan atau perkhidmatan yang dilarang di sisi syarak (Al-aaidroos et al., 2019; Jamalludin et al., 2011).

Gharar boleh berlaku dalam beberapa keadaan samada pada a) akad atau kontrak *mu'awadah* (pertukaran), b) objek atau subjek yang ditransaksi, atau c) terma-terma kontrak. Kesemua bentuk *gharar* dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan ini menyebabkan sesuatu kontrak menjadi terbatal.

Al-Barkati di dalam *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah* menjelaskan transaksi yang mengandungi unsur ketidakpastian melibatkan elemen-elemen di atas dianggap sebagai *gharar* yang boleh menfasakhkan akad transaksi kerana mengandungi kemungkinan yang boleh merosakkan subjek akad atau perkara yang tidak diketahui secara jelas. Ini adalah berpandukan kepada sabda Nabi ﷺ

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصة وعن بيع الغرر

Rasulullah ﷺ melarang jual beli *hasah* (tikam menggunakan batu) dan jual beli *gharar* (Hadith Riwayat Muslim 1513)

Shari'ah Standards AAOIFI (AAOIFI, 2017) memperincikan keadaan-keadaan *gharar* di dalam satu-satu transaksi.

a. *Gharar* pada akad atau kontrak *mu'awadah* (pertukaran)

Gharar pada akad atau kontrak *mu'awadah* seperti kontrak jual beli ini wujud sekiranya perkataan yang digunakan dalam akad jual beli adalah samar-samar atau jika tawaran dan penerimaan tidak dimeterai dengan betul sehingga mewujudkan ketidakpastian dalam proses memuktamadkan kontrak jual beli. Dalam keadaan ini, *gharar* pada akad menyebabkan kontrak jual beli terbatal.

Antara contoh *gharar* pada akad jual beli ialah transaksi yang menggabungkan dua kontrak jualan dalam satu kontrak. Sebagai ilustrasi, Abu menjual rumahnya kepada Ahmad dengan syarat Ahmad menjual keretanya kepada Abu (setiap akad adalah bergantung antara satu sama lain).

b. *Gharar* pada objek atau subjek yang ditransaksi

Gharar pada objek atau subjek yang ditransaksi boleh berlaku dalam beberapa keadaan iaitu:

- i. objek tidak wujud seperti penjualan buah sebelum ianya ditanam dan penjualan hamba yang melarikan diri,
- ii. objek bukan hak milik penjual seperti *short selling* di dalam pasaran saham,
- iii. objek bukan dalam simpanan penjual untuk diserahkan kepada pembeli seperti penjualan ikan di laut atau burung yang belum ditangkap,
- iv. kontrak jual beli yang dimuktamadkan tertakluk kepada pemilihan barang jualan secara rawak seperti jual beli *al-hasah* (jual beli secara balingan batu) di mana penjual membaling batu dan pembeli perlu menerima barangan di mana batu jatuh di atasnya.

c. *Gharar* pada terma-terma kontrak

Gharar yang terdapat pada terma-terma kontrak menyebabkan kontrak terbatal. Sebagai contoh, jual beli yang tidak memperincikan harga atau harga ditetapkan oleh salah seorang daripada pihak yang bertransaksi atau harga ditetapkan oleh pihak ketiga.

METODOLOGI KAJIAN

Data untuk kajian ini telah dikumpulkan daripada lapan (8) buah syarikat yang menjalankan e-bidaan. Pemilihan syarikat-syarikat ini adalah berdasarkan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Hal ini disebabkan jumlah platform e-bidaan yang masih terhad dan kebanyakan syarikat menggunakan model yang sama.

Data telah dikumpulkan daripada pemerhatian sesi bidaan secara langsung (*live*) yang telah dijalankan di pelbagai platform seperti website milik pelelong, saluran Youtube pelelong, dan Facebook *page* milik pelelong. Pemerhatian ini dijalankan sepanjang Jun dan Julai 2021. Selain itu, dokumen-dokumen seperti terma dan syarat, manual dan prosedur pengguna, garis panduan bidaan dan soalan lazim, yang mana dokumen-dokumen ini telah diterbitkan di dalam website setiap platform e-bidaan turut dinilai dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati tiga (3) bentuk amalan *gharar* yang berlaku dalam transaksi lelongan atas talian. Ianya adalah seperti berikut; i) lelongan barang yang tidak jelas ciri-ciri, spesifikasi dan kondisi barang, ii) barang tidak wujud, dan iii) barang tidak dapat dihantar kepada pemenang lelongan.

Lelongan barang yang tidak jelas ciri-ciri, spesifikasi dan kondisi barang

Terdapat platform lelongan atas talian yang tidak menyatakan dengan jelas ciri-ciri, spesifikasi dan kondisi barang lelongan. Antaranya ialah lelongan dalam talian melibatkan selonggok pakaian yang tidak dimaklumkan perincian selonggok pakaian tersebut seperti maklumat saiz pakaian, kuantiti, jenis pakaian dan kain, dan ciri-ciri penting lain bagi sehelai pakaian.

Oleh kerana lelongan di buat secara atas talian, pembida tidak dapat melihat dan meneliti dengan jelas ciri-ciri, spesifikasi dan kondisi selonggok pakaian tersebut. Dalam keadaan ini, terdapat unsur *gharar fahish* pada objek atau subjek yang ditransaksi yang dilarang dalam Islam. Justeru, lelongan seperti ini adalah dilarang dalam Islam dan perlu dielakkan oleh pembida.

Terdapat juga keadaan di mana platform lelongan atas talian yang hanya mendedahkan sebahagian maklumat berkenaan barang yang dilelong sahaja. Antaranya ialah lelongan atas talian melibatkan kenderaan terpakai. Platform lelongan atas talian kebiasaannya hanya menyediakan maklumat yang terhad

berkenaan kenderaan yang dilelong di dalam platform lelongan berkenaan. Contohnya, maklumat berkenaan nombor pendaftaran kenderaan, tahun dibuat, jenis transmisi, harga rizab, kewujudan kunci kenderaan dan beberapa gambar kenderaan yang akan dilelong.

Dalam contoh lelongan atas talian kenderaan ini, *gharar* juga boleh berlaku sekiranya pembida yang menyertai bidaan hanya berpandukan maklumat yang dipaparkan oleh platform lelongan atas talian tanpa melihat keadaan fizikal kenderaan tersebut. Terdapat ciri-ciri dan kondisi penting yang tidak dinyatakan bagi sesebuah kenderaan terpakai seperti maklumat atau laporan berkenaan enjin kenderaan, transmisi kelajuan dan keadaan sistem penyejukan samada masih berfungsi atau tidak. Sebagai pembida, mereka perlu membuat pemeriksaan dengan teliti supaya tidak mengundang pertikaian di kemudian hari.

Bagi pihak pelelong pula, adalah sebaiknya semua maklumat penting berkaitan kenderaan yang akan dilelong telah dinyatakan dan diperincikan dengan sebaiknya. Selain mengurangkan unsur *gharar*, maklumat yang lebih terperinci ini boleh menarik minat lebih ramai pembida. Hal ini secara tidak langsung boleh meningkatkan harga kenderaan yang dilelong, melebihi harga rizab yang ditetapkan. Sudah tentu keadaan ini akan menguntungkan penjual kenderaan lelong tersebut terutama bagi kenderaan yang dilelong dan masih mempunyai baki hutang dengan pembiaya.

Amalan ini sangat bercanggah dengan syarak seperti mana dinyatakan oleh al-Khin et al. (1992)

أن يكون معلوماً للعاقدين: فلا يصح البيع إذا كان في المبيع أو الثمن جهالة لدى العاقدين أو أحدهما، تقضي في الغالي إلى النزاع والخصومة، لأن في ذلك غرراً، وقد علمت أنه - صلى الله عليه وسلم - نهي عن بيع الغرر. فلا يصح بيع ما يجهله العاقدان أو أحدهما، ولا جعله ثمناً. كما لا يصح بيع واحد من أشياء دون تعيينه، ولا البيع به

Barang tidak wujud

Terdapat platform lelongan atas talian yang barang lelongannya tidak wujud. Isu *gharar* melibatkan transaksi barang yang dilelong tidak wujud ini adalah dilarang syarak kerana barang yang dibeli tidak dapat diserahkan kepada pembeli. Pembida yang terlibat kebiasaannya akan membida barangan yang diinginkannya secara atas talian. Setelah diisytihar sebagai pemenang bagi satu-satu sesi bidaan, pembida ini akan membuat pindahan wang kepada pelelong. Namun begitu, barang yang dilelong itu tidak dihantar kepada pembida dan pelelong juga tidak dapat dihubungi. Hal ini adalah jelas suatu transaksi dengan unsur *gharar* yang berlebihan dan menyebabkan kontrak tersebut terbatal.

Isu *gharar* melibatkan barangan lelongan yang tidak wujud ini telah banyak dilaporkan di dada-dada akhbar sehingga melibatkan kerugian yang banyak kepada pembida. Kebiasaannya transaksi sebegini lebih dikenali dengan penipuan atau *scam*. Di antara kes seperti ini pernah dilaporkan di dalam Sinar Harian pada tahun 2021

melibatkan seorang suri rumah yang diperdaya membeli emas lelong murah. Dalam kes ini, suri rumah yang menjadi mangsa ini telah diperdaya dan memindahkan wang berjumlah RM2,499 tanpa melihat barang kemas berupa rantai tangan lipan kait dan gelang emas fesyen. Kedua barangan kemas tersebut telah dilelong di laman sosial Instagram. Setelah membuat pindahan wang, suri rumah tersebut tidak menerima barangan kemas yang dibelinya.

Dalam kes yang berlainan, BERNAMA pada tahun 2021 juga telah melaporkan berkenaan satu sindiket lelongan atas talian yang melelong barangan berharga seperti rumah, kereta dan barang kemas. Namun begitu, barangan berharga tersebut sebenarnya tidak wujud. Pembida yang menang akan terpesona dengan harga yang murah dan diarahkan membayar barangan berharga yang telah dimenangi dengan separuh harga sebelum melunaskan bayaran penuh. Dilaporkan bahawa sindiket ini dipercayai mengaut sehingga RM200,000 sehari dan hampir RM6 juta setiap bulan dengan menawarkan secara lelongan atas talian melibatkan barangan berharga untuk menarik minat pembida.

Senario ini bercanggah dengan ketetapan syarak yang mewajibkan barangan jualan wujud ketika akad dibuat seperti mana dinyatakan al-Khin et al. (1992)

أن يكون المبيع موجوداً عند العقد: فلا يجوز بيع ما هو معدوم، كبيع ما ستثمره أشجاره، وما ستحمل به أغنامه. وكذلك ما كان في حكم المعدوم، كبيع ما تحمله الأغنام ونحوها، أو ما في الضرع من اللبن ونحوه.

Barang tidak dihantar kepada pemenang lelongan

Gharar melibatkan kegagalan penghantaran barang yang dilelong juga boleh membatalkan kontrak. Sebagai contoh, lelongan barang yang ada sekatan undang-undang ke atasnya. Dalam keadaan ini, pembida tidak mengetahui perkara tersebut dan akhirnya pindah milik melibatkan barang tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Dalam situasi yang lain, terdapat barang lelongan yang perlu diimport daripada luar negara dan tidak dapat dipastikan samada lesen untuk mengimport barang tersebut perlu diperolehi daripada pihak berwajib atau tidak. Dalam contoh ini, transaksi lelongan ini boleh menyebabkan *gharar* kerana barang yang dilelong sebenarnya tidak dapat dihantar kepada pembida yang memenangi sesi lelongan kerana wujudnya syarat dan peraturan negara yang tidak membenarkan penghantaran barangan tersebut ke negara pembida.

Situasi ini bercanggah dengan salah satu syarat barangan dan harta dalam rukun jual beli iaitu barangan dan harga boleh diserahkan kepada pihak yang bertransaksi sebagaimana dinyatakan al-Khin et al. (1992).

أن يكون مقدوراً على تسليمه حساً وشرعاً: فإن كان العاقد عاجزاً عن تسليم المبيع أو الثمن - عن كان معيناً - وقت لعقد فلا يتعقد البيع، لأن العاقد الآخر ليس على يقين في هذه الحالة أنه سيحصل على عوض عما يبذله، وبالتالي يكون في بذله له إضاعة للمال، وهو منهي عنه كما علمت.

KESAN NEGATIF AMALAN *GHARAR* DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Gharar boleh membawa kepada beberapa kesan negatif yang akhirnya membawa kepada pertikaian dan perselisihan. Berikut adalah beberapa kesan negatif amalanan *gharar*:

a. Ketidakadilan dalam Transaksi

Kesan negatif *gharar* yang paling utama adalah amalanan ini menjejaskan prinsip keadilan yang dianjurkan Islam. Sebagai contoh, jika maklumat mengenai barang yang dijual adalah tidak jelas, pihak yang terlibat mungkin tidak mendapat apa yang mereka harapkan atau barang yang diterima pembeli tidak dapat berfungsi seperti 'uruf kebiasaan. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati yang boleh membawa kepada pertikaian dan perselisihan.

Islam melarang memakan harta orang lain dengan jalan yang batil. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu. (Surah an-Nisa: 29)

Bahkan sekiranya amalanan *gharar* dalam lelongan atas talian ini dilakukan oleh orang Islam, ia bukan sahaja menjejaskan dua pihak yang bertransaksi tetapi juga mendatangkan imej buruk kepada Islam itu sendiri.

b. Kerugian Ekonomi

Selain itu, jika amalanan ini tidak dibendung, ianya akan memberi peluang kepada pihak yang berniat jahat untuk mengambil kesempatan sehingga mengakibatkan kerugian ekonomi kepada pihak pembeli. Sebagai contoh, pelelong mungkin memberikan maklumat yang tidak tepat tentang sesuatu barangan yang dilelong, dengan tujuan menarik minat pembida.

Pembida yang berminat akhirnya tertipu sehingga menyebabkan kerugian wang, masa dan tenaga. Amalanan ini bukan sahaja mencemarkan integriti, tetapi juga menyuburkan budaya penipuan dalam perniagaan atas talian. Hal ini bakal meningkatkan risiko jenayah siber dan menyukarkan usaha kerajaan Malaysia dalam membangun pasaran digital yang sihat.

c. Kehilangan Kepercayaan dan Kestabilan Pasaran

Dalam dunia yang semakin bergantung kepada teknologi digital, kepercayaan merupakan asas penting kepada sambutan pengguna. Kewujudan unsur *gharar* boleh

mengurangkan kepercayaan pengguna terhadap platform lelongan atas talian dan platform e-dagang.

Menurut Abdulgani & Suhaimi (2014), keadaan ini menyebabkan ramai pengguna yang menjauhkan diri daripada terlibat dengan transaksi di platform e-dagang. Apabila wujudnya unsur ketidakpastian, pihak yang terlibat terutamanya pengguna mungkin merasa tertipu atau tidak yakin dengan integriti transaksi tersebut. Hal ini boleh menghalang pertumbuhan ekonomi digital yang sihat seterusnya membantut usaha kerajaan Malaysia dalam pembangunan pertumbuhan ekonomi berasaskan digital.

Langkah Mengatasi Isu *Gharar* Dalam Amalan Harian

Dalam mengatasi isu *gharar* dalam transaksi lelongan atas talian, beberapa langkah berikut boleh diambil oleh pihak berkuasa dan pihak pengguna.

a. Peranan pihak berkuasa

Pihak berkuasa boleh memainkan peranan penting dalam mengelakkan unsur *gharar* dalam transaksi lelongan atas talian. Antara tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa ialah penguatkuasaan peraturan dan undang-undang bagi transaksi lelongan dalam talian. Ini termasuklah peraturan dan undang-undang yang mewajibkan penjual memastikan semua maklumat mengenai barangan yang dilelong adalah lengkap dan tepat.

Bagi memastikan peraturan dan undang-undang dipatuhi, pihak berkuasa juga boleh menjalankan pemeriksaan dan pengesahan terhadap pihak yang ingin menjalankan perniagaan melibatkan platform lelongan atas talian. Di antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa ialah dengan memastikan bahawa tiada maklumat yang mengelirukan atau maklumat yang tidak lengkap mengenai barang yang dilelong oleh platform atas talian.

Aspek pendidikan dan kesedaran juga memainkan peranan penting dalam mengatasi isu *gharar* dalam transaksi lelongan atas talian. Justeru, pihak berkuasa juga disaran untuk meningkatkan kempen pendidikan dan kesedaran terhadap pengguna dan juga platform lelongan atas talian mengenai risiko *gharar* melibatkan transaksi lelongan atas talian. Bagi pengguna, kesedaran terhadap keburukan elemen *gharar* boleh mengelakkan pengguna daripada terlibat dengan transaksi lelongan atas talian yang mempunyai unsur penipuan dan pertikaian. Manakala bagi pihak platform lelongan atas talian pula, kesedaran untuk menghilangkan unsur *gharar* dalam semua transaksi lelongan memberi kesan baik kepada platform lelongan atas talian dengan cara meningkatkan tahap kepercayaan pengguna untuk menggunakan platform tersebut.

Peranan terakhir yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa ialah memastikan platform aduan dan penyelesaian pertikaian yang efektif untuk pengguna lelongan atas talian. Di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara

Hidup (KPDN) telah mewujudkan Portal e-Aduan 2.0 iaitu sebuah sistem yang memudahkan pengguna untuk menyalurkan aduan, pertanyaan dan cadangan berkaitan isu kepenggunaan di bawah bidang kuasa KPDN. Terdapat 26 kategori aduan di bawah bidang kuasa KPDN termasuklah aduan mengenai traksaksi atas talian, iklan mengelirukan, perihal perdagangan palsu, dan lain-lain (KPDN, 2024). Dengan kewujudan platform aduan yang berkesan ini, pengguna mempunyai ruang untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi berkaitan transaksi lelongan atas talian.

b. Peranan pihak pengguna

Sebagai pengguna, mereka juga mempunyai peranan yang besar dalam mengatasi isu *gharar* dalam transaksi lelongan atas talian. Pengguna haruslah memastikan semua maklumat mengenai barang atau perkhidmatan yang ditawarkan adalah lengkap dan jelas. Maklumat ini mestilah merangkumi deskripsi dan perincian barangan, harga dan gambar yang jelas. Hal ini termasuk dokumen dan rekod transaksi yang jelas dan mudah difahami.

Bagi mengelakkan isu pembeli menerima barang yang tidak menepati ciri-ciri yang diinginkan, pengguna juga digalakkan membaca dengan teliti ulasan (*review*) pembeli terdahulu. Ruangan ulasan pembeli kebiasaannya akan memberi maklumat yang baik kepada bakal pembeli. Sekiranya barang yang dibeli mempunyai banyak ulasan yang tidak baik atau *rating* yang rendah, bakal pembeli boleh segera membatalkan hasrat untuk membeli barang daripada platform lelongan atas talian tersebut.

Setelah barang yang dibeli sampai, pembeli seharusnya membuat pemeriksaan teliti dan membuat pengesahan bahawa barangan yang dibeli memenuhi deskripsi yang telah dinyatakan di dalam platform lelongan atas talian. Sekiranya barangan yang dihantar oleh penjual tidak memenuhi deskripsi atau terdapat kerosakan kepada barangan tersebut, pengguna perlu diberikan hak jaminan untuk memulangkan barangan tersebut (bagi kes barangan yang tidak memenuhi deskripsi) atau diberikan ganti (bagi kes barangan yang rosak). Pengenalan elemen hak jaminan ini boleh meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap platform lelongan atas talian. Justeru, platform lelongan atas talian yang tidak memberi hak jaminan kepada pengguna ini perlu dielakkan oleh bakal pembeli.

KESIMPULAN

Amalan *gharar* dalam transaksi lelongan atas talian membawa kesan negatif yang serius terhadap keadilan, ekonomi dan kestabilan pasaran. Ketidakpastian yang timbul akibat unsur *gharar* boleh menyebabkan pertikaian antara pihak yang terlibat, kerugian ekonomi kepada pembeli, serta hilangnya kepercayaan terhadap platform lelongan atas talian.

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang berkesan perlu diambil oleh pihak berkuasa dan pengguna untuk mengatasi masalah ini daripada berulang. Pihak berkuasa harus memperketatkan penguatkuasaan peraturan dan memberi kesedaran tentang risiko *gharar*, sementara pengguna pula perlu memastikan maklumat yang diperoleh adalah jelas dan tepat serta melibatkan diri hanya dengan platform lelongan atas talian yang berintegriti dan dipercayai.

Dengan langkah-langkah yang sesuai, amalan *gharar* dapat dielakkan, menjamin transaksi yang lebih adil dan mengurangkan risiko penipuan berkaitan aktiviti lelongan atas talian, seterusnya meningkatkan kepercayaan dan kestabilan pasaran lelongan atas talian.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS01/USIM/02/6) dengan tajuk Conceptualizing Shariah compliance guideline for online auction: towards preserving the rights of contracting parties.

RUJUKAN

Sahih Muslim

- Abdulgani, M. A., & Suhaimi, M. A. (2014). Exploring Factors That Influence Muslim Intention to Purchase Online. In *The 5th International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M)* (pp. 1-6). IEEE. <https://doi.org/10.1109/ict4m.2014.7020637>
- Accounting and Auditing for Islamic Financial Institutions. (2017). *Shari'ah Standards*. Manama.
- Al-aaidroos, M., Jailani, N., & Mukhtar, M. (2019). Expert validation on a reference model for e-auctions that conform to Islamic trading principles. *Journal of King Saud University - Computer and Information Sciences*, 31(1), 62–71
- Al-Khin, M., al-Bugho, M & al-Syarbaji, A. (1992). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhabi al-Imam al-Syafie*. Dar al-Qalam. Syria.
- Bernamea. (2021). *29 terlibat sindiket penipuan bidaan dalam talian ditahan polis*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/29-terlibat-sindiket-penipuan-bidaan-dalam-talian- ditahan-polis-297168>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat (Keempat)*. Arif Corporation Sdn. Bhd.
- Ibn Rusyd (1986). *Bidayah al-Mujtahid*, Dar al-Jil, Beirut.
- Jamalludin et al. (2011). A Syariah compliant e-auction framework. Proceedings of the 2011 International Conference on Electrical Engineering and Informatics, ICEEI 2011, July.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) (2024). Gerbang Aduan Kepenggunaan dan Integriti. <https://eaduan.kpdn.gov.my/portal/2>

Mas'ad (2018). Analisa Syariah Terhadap Konsep dan Jualan Lelong Secara Bisik : Kajian Kes Pasar Bisik Kuala Muda Kedah [Shariah Analysis on the Concept and Application of Whispering Auction Sales : A Case. 'Ulum Islamiyyah, 24(August), 55–68.

Sinar Harian. (2021). *Suri rumah rugi RM2,499 terpedaya beli emas lelong murah*. <https://www.sinarharian.com.my/article/160220/BERITA/Semasa/Suri-rumah-rugi-RM2499-terpedaya-beli-emas-lelong-murah>